

13 MAY 2000

Abdullah-PM

PAK LAH HARGAI PERMINTAAN DR MAHATHIR SUPAYA PARTI SOKONG BELIAU

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau amat menghargai permintaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada anggota Umno supaya memberikan sokongan kepadanya.

Beliau menganggap itu sebagai satu keyakinan daripada Perdana Menteri terhadapnya yang menjalankan tugas-tugas sebagai timbalannya.

"Saya amat terharu apabila mendengar Dr Mahathir tadi menyatakan 'sokonglah Pak Lah' dan disambut dengan hangat dan bersemangat oleh para perwakilan," kata Abdullah kepada Bernama selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini .

Dalam ucapan penggulangannya, Dr Mahathir meminta anggota parti supaya memberi sokongan kepada Abdullah, yang telah dipilih tanpa bertanding sebagai Timbalan Presiden Umno.

Abdullah berkata beliau memerlukan sokongan itu apatah lagi dengan pengumuman Perdana Menteri untuk memindahkan sebahagian tugasnya dalam kerajaan kepada menteri-menteri terutama Timbalan Perdana Menteri.

"Saya tidak ada masalah langsung untuk menjalankan tugas-tugas yang akan diserahkan kepada saya, saya akan bekerja dengan tekun dan memuaskan...itu harapan saya," katanya.

Abdullah berkata beliau juga yakin menteri-menteri yang diberikan tanggungjawab oleh Perdana Menteri untuk menjalankan tugas-tugas berkenaan akan bersedia melaksanakannya dengan baik.

Menurutnya, hasrat Dr Mahathir untuk lebih kerap ke negeri berjumpa anggota-anggota parti merupakan satu pendekatan yang baik.

"Saya berharap dengan Dr Mahathir sendiri turun menemui rakyat dan anggota parti peringkat cawangan dan bahagian, ia akan memberi kekuatan kepada parti kerana beliau lebih mengetahui mengenai perkara-perkara yang perlu diterangkan kepada rakyat.

"Rakyat juga tentu lebih menghargai jika penerangan yang diberikan datang daripada mulut beliau sendiri," katanya.

Beliau menyokong cadangan yang turut disentuh oleh Dr Mahathir dalam ucapan penangguhannya bahawa mesyuarat Majlis Tertinggi Umno akan diadakan di negeri-negeri.

"Ini bukannya sesuatu yang tidak boleh...dengan mengadakan mesyuarat Majlis Tertinggi di negeri-negeri, ia akan mendekati lagi pucuk pimpinan parti dengan anggota-anggota parti," katanya.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin turut menyatakan bahawa cadangan mengadakan mesyuarat Majlis Tertinggi itu akan mendekati pemimpin parti dengan anggota-anggota Umno di peringkat negeri.

-- BERNAMA

azz mai